

PERJANJIAN DI ANTARA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

DENGAN

**PORTRAY SECURITY SDN. BHD.
(No Pendaftaran : 738362-A)**

BAGI

**PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN DI
IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI
MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN
BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31
DISEMBER 2023**



KERAJAAN MALAYSIA

IBU PEJABAT
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

**SIJIL SETEM**

ASAL

STAMP CERTIFICATE

(Sila lekatkan sijil setem ini ke atas surat cara sebagai bukti penyeteman)
 Please attach this stamp certificate to the instrument as evidence of stamping

Cara Bayaran *Payment Method* FPX TRANSACTIONS
No. Adjudikasi *Adjudication No.* T01C357544XW019 (SALINAN 2/2)
Jenis Surat Cara *Type Of Instrument* PERJANJIAN PERKHIDMATAN
Tarikh Surat Cara *Date Of Instrument* SURAT CARA UTAMA
Balasan *Consideration* 01/01/2022
Maklumat Pihak Pertama / Penjual / Pemberi *First Party / Vendor / Transferor / Assignor* RM 384,739.20
 PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA, NO SYARIKAT KEMENTERIAN PERDAGANGAN
Maklumat Pihak Kedua / Pembeli / Penerima *Second Party / Purchaser / Transferee / Assignee*
 PORTRAY SECURITY SDN BHD, NO SYARIKAT 738362-A
Butiran Harta / Suratcara *Property / Instrument Description*
 TIDAK BERKENAAN

Dengan ini disahkan surat cara ini disetem dan diindors seperti maklumat di bawah:
 This is to certify this instrument is stamped and indorsed as below:

No. Sijil Setem <i>Stamp Certificate No.</i>	W0180A227976923
Tarikh Penyeteman <i>Date of Stamping</i>	22/03/2022
Duti Setem Dikenakan <i>Amount of Stamp Duty</i>	RM 10.00
Penalti <i>Penalty</i>	RM 0.00
Pelarasan <i>Adjustment</i>	RM 0.00
Jumlah Dibayar <i>Total Amount Paid</i>	RM 10.00
Indorsemen <i>Indorsement (Mata Setem 1949)</i>	Seksyen 12

Penuntut Duti Setem

No. Kelulusan Perbendaharaan *Treasury Approval No.* : KK/BSKK/10/600-2/1/2(60)Tarikh Cetak *Printed Date* : 22/03/2022 04:33:00

Pengesahan ketulenan Sijil Setem ini boleh dipastikan di stamps.hasil.gov.my atau melalui aplikasi telefon pintar
 The authenticity of this Stamp Certificate can be verified at stamps.hasil.gov.my or by mobile app

Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani
 This is a computer generated printout and no signature is required

--- tamat/end ---

No. Perjanjian: **K2/2022**
Nilai Kontrak : **RM407,823.55**
Nilai Cagaran: **RM5,097.79**

DOKUMEN PERJANJIAN

PERJANJIAN ini dibuat pada 1 haribulan JANUARI tahun 2022 DI ANTARA **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966 (selepas dari ini disebut "MPC") yang beralamat di Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya Selangor, sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai satu pihak

DAN

PORTRAY SECURITY SDN. BHD. sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (No. Pendaftaran: **738362-A**) yang beralamat di **D-2-9 BLOCK D SRI GEMBIRA AVENUE, NO. 6 JALAN SENANG RIA, TAMAN GEMBIRA, 58200 KUALA LUMPUR** (selepas dari ini disebut sebagai "Kontraktor") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai pihak yang satu lagi.

MUKADIMAH

1. BAHAWASANYA MPC adalah suatu pertubuhan yang diperbadankan bernama Perbadanan Produktiviti Malaysia yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa bagi memperolehi dan memegang harta yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih dan melepaskan atau dengan jalan lain membuat apa-apa berkenaan dengannya.
2. DAN BAHAWASANYA MPC telah mempelawa syarikat-syarikat atau firma-firma yang berkeelayakan menurut syarat-syarat yang dinyatakan dalam 'Syarat-Syarat Am Tender' dalam Dokumen Sebut Harga untuk **Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)** (selepas dari ini disebut sebagai "kontrak tersebut").

3. DAN BAHAWASANYA Kontraktor telah memohon kepada MPC dan menawarkan untuk melaksanakan dan menjalankan kontrak tersebut yang disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam atau yang hendaklah ditakrifkan dari Dokumen Sebut Harga dan dirujukkan di sini sebagai **Lampiran 1** Perjanjian ini.
4. MPC bersetuju menerima tawaran dari Kontraktor seperti yang dirujukkan di perenggan tiga (3) di atas tertakluk kepada syarat-syarat dan had-had yang dinyatakan kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1.0 TAKRIF

- 1.1 Dalam perjanjian ini dan dalam syarat-syarat dan jadual-jadual yang dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:
- 1.2 "MPC" maksudnya **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** yang diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966.
- 1.3 "Kontraktor" maksudnya **PORTRAY SECURITY SDN. BHD.** sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftarnya di **D-2-9 BLOCK D SRI GEMBIRA AVENUE, NO. 6 JALAN SENANG RIA, TAMAN GEMBIRA, 58200 KUALA LUMPUR.**
- 1.4 "Dokumen Sebut Harga" maksudnya dokumen yang dilampirkan bersama dengan perjanjian ini dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian dari perjanjian ini.
- 1.5 "Perkhidmatan" maksudnya semua jenis perkhidmatan di bawah kontrak tersebut dan diperihalkan dalam dokumen sebut harga.
- 1.6 "Kontrak Tersebut" maksudnya kontrak yang ditakrifkan menurut perenggan 2 & 3 (Mukadimah) perjanjian ini.

2.0 PERIHAL KONTRAK

- 2.1** Kontraktor adalah dikehendaki melaksanakan kontrak perkhidmatan seperti terkandung dalam Dokumen Sebut harga dengan bayaran **Ringgit Malaysia Empat Ratus Tujuh Ribu Lapan Ratus Dua Puluh Tiga dan Sen Lima Puluh Lima Sahaja (RM407,823.55) untuk 24 bulan.**
- 2.2** Bagi maksud melaksanakan kontrak tersebut, Kontraktor dengan ini bersetuju bahawa segala syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Sebut Harga seperti di **Lampiran 1** hendaklah dijadikan sebahagian dari perjanjian ini dan hendaklah ditakrifkan bersama-sama dengan syarat-syarat yang sedia ada di dalam perjanjian ini.

3.0 PEMBAYARAN KONTRAK

- 3.1** Pembayaran kepada Kontraktor oleh MPC atas pelaksanaan kontrak tersebut akan dibuat berdasarkan kualiti perkhidmatan yang telah ditetapkan menurut Dokumen Sebut Harga dan akan dijelaskan oleh MPC selepas inbois/bil dan salinan asal pesanan jabatan diterima dan disahkan oleh MPC dengan memuaskan mengikut spesifikasi yang dirujuk dalam Dokumen Sebut Harga. MPC berhak membuat potongan ke atas bayaran itu sekiranya didapati kerja-kerja tidak memuaskan tidak mengikut spesifikasi atau tidak dibuat langsung.
- 3.2** Adalah dipersetujui bahawa MPC berhak selain dari cara dan masa pembayaran yang ditetapkan di atas menentukan cara pembayaran yang lain dan melanjutkan masa pembayaran yang dibuat kepada Kontraktor dalam masa berkuat kuasanya perjanjian ini.

4.0 TEMPOH PERJANJIAN

- 4.1** Tempoh perjanjian ini adalah selama **24 bulan** dan berkuat kuasa mulai dari tarikh **1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.**

5.0 REPRESENTASI DAN WARANTI

- 5.1** Kontraktor dengan ini mengaku janji bahawa segala keterangan-keterangan berikut adalah benar:

- 5.2 Kontraktor adalah sebuah syarikat yang sah yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai kuasa dan layak untuk menjalankan kontrak tersebut dan telah menyempurnakan segala kehendak-kehendak undang-undang untuk menjalankan kontrak tersebut.
- 5.3 Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh Kontraktor untuk melayakkannya menandatangani perjanjian ini.
- 5.4 Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan Kontraktor.
- 5.5 Segala kebenaran, lesen dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perniagaan Kontraktor telah diperolehi dan disempurnakan dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran untuk lesen Kontraktor ditarik balik.
- 5.6 Segala butir-butir dan keterangan termasuk keadaan kewangan Kontraktor yang diberikan oleh Kontraktor kepada MPC adalah benar belaka.
- 5.7 Bahawasanya representasi dan waranti yang telah diberikan di atas akan berkuat kuasa dalam tempoh berkuat kuasanya perjanjian ini.

6.0 BON PELAKSANAAN

Kontraktor adalah dikehendaki sebelum atau semasa menandatangani perjanjian ini melaksanakan perkara-perkara berikut kepada MPC:-

- 6.1 Menyediakan bon pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans yang tidak boleh batal daripada sebuah Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans yang diluluskan dan didaftarkan di Malaysia dengan jumlah sebanyak **RM5,097.79 (RINGGIT MALAYSIA: Lima Ribu Sembilan Puluh Tujuh dan Sen Tujuh Puluh Sembilan Sahaja)** bon pelaksanaan tersebut hendaklah disediakan dalam bentuk yang dipersetujui oleh MPC dan sah untuk jangkamasa **36 bulan** dari tarikh berkuat kuasanya perjanjian ini.

- 6.2 Adalah sentiasa dipersetujui oleh kedua-dua pihak bahawa bon pelaksanaan yang dirujukkan di perenggan 6.1 di atas akan dikembalikan kepada Kontraktor atau dibatalkan tanpa apa-apa faedah selepas **dua belas (12) bulan** sesudah perjanjian ini ditamatkan dengan memuaskan atau selepas penghantaran/ penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian dan tertakluk kepada potongan yang dibuat oleh MPC mengikut peruntukan dalam perjanjian ini atau apa-apa pelanggaran syarat-syarat perjanjian ini yang dilakukan oleh Kontraktor di bawah perjanjian ini.

7.0 GANTIRUGI

- 7.1 Kontraktor bersetuju dengan MPC bahawa:

- a) Kontraktor hendaklah melaksanakan semua obligasinya di bawah perjanjian ini atas risikonya dan hendaklah melepaskan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, MPC daripada apa-apa tuntutan akibat daripada apa-apa kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian yang berlaku berpunca daripada pelaksanaan Pembekalan dan MPC tidak bertanggungjawab atau bertanggung terhadap kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian tersebut.
- b) Kontraktor hendaklah menanggung rugi dan akan sentiasa menanggung rugi MPC daripada dan terhadap apa-apa tindakan guaman, tuntutan, prosiding, kehilangan, kerosakan, kerugian, pampasan, kos (termasuk kos berkaitan guaman dan perundangan) dan apa-apa pembayaran dari perbelanjaan yang mana MPC akan atau menjadi bertanggung berkenaan dengan atau timbul daripada keadaan seperti berikut:
 - i) Perbuatan salah guna dan kecuai Kontraktor, pekerjaanya, ejennya atau mana-mana pihak lain yang dilantik oleh Kontraktor termasuklah pekerja atau ejen pihak ketiga tersebut;

- ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta benda atau kecederaan, dalam apa jua sifat, bentuk atau keadaan sekalipun yang dialami atau disebabkan oleh pelaksanaan Pembekalan oleh Kontraktor untuk mana-mana individu dan ia tidak disebabkan oleh kecuaiian atau tindakan sengaja, kesilapan atau ketinggalan MPC, pekerja atau ejennya; atau
 - iii) Apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan yang timbul daripada apa jua sebab kepada harta benda atau mana-mana individu yang terlibat dengan pelaksanaan Pembekalan sehingga setakat mana perkara tersebut disebabkan atau disumbangkan oleh tindakan, ketinggalan, kecuaiian, pelanggaran atau kemungkiran Kontraktor atau pekerjaanya, ejen atau mana-mana pihak yang dilantik oleh Kontraktor; dan
- c) Obligasi Kontraktor di bawah Klausula ini selepas Tarikh Luput Perjanjian atau pada tarikh penamatan awal Perjanjian ini sekiranya terdapat apa-apa tanggung rugi akibat dari tindakan, perbuatan, perkara atau hal yang berlaku sebelum Perjanjian ini luput atau ditamatkan.

7.2 Kontraktor hendaklah, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, menanggung rugi, melindungi dan mempertahankan MPC, kakitangannya atau ejennya daripada dan terhadap apa-apa tindakan, tuntutan dan liabiliti yang berpunca daripada tindakan Kontraktor dalam melaksanakan Pembekalan di bawah Perjanjian ini termasuklah penggunaan atau pelanggaran apa-apa kerja hak cipta, karya sastera atau reka cipta, barangan atau alatan berpaten milik mana-mana orang dalam apa jua bentuk.

8.0 IKLAN

8.1 Perjanjian ini tidaklah boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau lain-lain bentuk media masa tanpa kelulusan dari MPC.

9.0 PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL

- 9.1 Kontraktor tidak boleh memajakkan apa-apa bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa kontrak kecil bagi melaksanakan Perjanjian ini dan apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis MPC.

10.0 PEMBERIAN MILIK

- 10.1 Kontraktor tidak boleh memberi milik kontrak atau mana-mana bahagiannya atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis MPC.

11.0 FORCE MAJEURE

- 11.1 Kedua-dua pihak MPC dan Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan berikut iaitu rusuhan dan kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut, wabak atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang seumpama yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan sedemikian yang menyebabkan mana-mana pihak tidak dapat menyempurnakan perjanjian ini, perjanjian ini adalah ditamatkan dengan persetujuan kedua pihak.

12.0 PENAMATAN PERJANJIAN

- 12.1 MPC boleh memberi notis bertulis kepada Kontraktor menamatkan perjanjian ini jika:
- 12.2 Representasi dan waranti yang diberikan oleh Kontraktor dalam perjanjian ini didapati tidak benar.
- 12.3 Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini; atau

12.4 Kontraktor itu sebagai orang perseorangan (atau apabila Kontraktor itu adalah satu firma, mana-mana perkongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya, atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau membuat sesuatu pindah hak atau penyerah hak bagi faedah sipiutang atau jika kontraktor itu adalah suatu syarikat, meluluskan sesuatu keterangan, atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang sipiutang melantik seseorang penerimaan atau mengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan atau;

12.5 MPC mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau diluar pengetahuan Kontraktor) melakukan perbuatan rasuah atau aktiviti bercanggah dengan perbuatan yang akan terjumlah kepada suatu kesalahan menurut **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009** atau kesalahan dengan undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain antara Kontraktor dengan pihak MPC dengan syarat sentiasa bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak MPC untuk menuntut apa-apa kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh MPC akibat daripada penamatan itu; atau

12.6 MPC boleh menamatkan kontrak di bawah fasal ini di dalam keadaan-keadaan lain selain daripada tersebut di bawah perenggan-perenggan di atas.

13.0 CARA-CARA PENAMATAN PERJANJIAN

13.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan cara notis bertulis tidak kurang daripada **satu (1) bulan** dari tarikh Perjanjian ini hendak ditamatkan.

- 13.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, MPC adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat MPC perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor tidak memuaskan dengan syarat sentiasa bahawa notis hendaklah diberi tidak kurang dari **dua puluh empat (24) jam** dari tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini.

14.0 KELELAPAN DEPOSIT

- 14.1 Dalam hal di mana Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini atau di mana MPC menamatkan perjanjian ini menurut perenggan 13.0 perjanjian ini MPC berhak melelapkan apa-apa deposit yang telah dibayar oleh Kontraktor menurut perjanjian ini beserta dengan hak menuntut dari penjamin melalui Bank Guarantee atau Bon Pelaksanaan gantirugi atas kerugian yang telah dialami oleh MPC akibat penamatan tersebut. Adalah juga dipersetujui bahawa hak MPC untuk melelapkan deposit dan menuntut gantirugi di bawah Bank Guarantee atau Bon Pelaksanaan tersebut tidak menyekat MPC untuk menuntut kerugian atau gantirugi lain yang diakibatkan oleh penamatan tersebut.

15.0 NOTIS

- 15.1 Notis-notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor memadailah sekiranya dialamatkan dan ditinggalkan atau dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas dan notis-notis yang hendak diserahkan kepada MPC memadailah sekiranya dialamatkan dan dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas. Notis-notis yang dihantar dengan pos adalah disifatkan sebagai telah diserahkan pada masa yang sepatutnya dihantar ke tempat yang dialamatkan itu.

16.0 MASA

- 16.1 Di mana-mana dalam perjanjian ini, masa adalah merupakan syarat utama yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

- 13.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, MPC adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat MPC perkhidmatan yang diberikan oleh Kontraktor tidak memuaskan dengan syarat sentiasa bahawa notis hendaklah diberi tidak kurang dari **dua puluh empat (24) jam** dari tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini.

14.0 KELELAPAN DEPOSIT

- 14.1 Dalam hal di mana Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini atau di mana MPC menamatkan perjanjian ini menurut perenggan 13.0 perjanjian ini MPC berhak melelapkan apa-apa deposit yang telah dibayar oleh Kontraktor menurut perjanjian ini beserta dengan hak menuntut dari penjamin melalui Bank Guarantee atau Bon Pelaksanaan gantirugi atas kerugian yang telah dialami oleh MPC akibat penamatan tersebut. Adalah juga dipersetujui bahawa hak MPC untuk melelapkan deposit dan menuntut gantirugi di bawah Bank Guarantee atau Bon Pelaksanaan tersebut tidak menyekat MPC untuk menuntut kerugian atau gantirugi lain yang diakibatkan oleh penamatan tersebut.

15.0 NOTIS

- 15.1 Notis-notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor memadailah sekiranya dialamatkan dan ditinggalkan atau dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas dan notis-notis yang hendak diserahkan kepada MPC memadailah sekiranya dialamatkan dan dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas. Notis-notis yang dihantar dengan pos adalah disifatkan sebagai telah diserahkan pada masa yang sepatutnya dihantar ke tempat yang dialamatkan itu.

16.0 MASA

- 16.1 Di mana-mana dalam perjanjian ini, masa adalah merupakan syarat utama yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

17.0 DUTI SETEM DAN KOS

- 17.1 Apa-apa duti setem yang harus dibayar dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan perjanjian ini akan ditanggung oleh Kontraktor.

18.0 UNDANG-UNDANG

- 18.1 Perjanjian-perjanjian ini hendaklah ditaksirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

19.0 PINDAAN-PINDAAN

- 19.1 Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.


20.0 TIMBANGTARA

- 20.1 Apa-apa pertikaian yang terbit di antara MPC dengan Kontraktor mengenai pentafsiran, pengertian atau berkuat kuasa Perjanjian, atau hak dan tanggungan pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara MPC dengan Kontraktor, dirujuk kepada penimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh MPC dan seorang lagi oleh Kontraktor, dan aturan timbangtara itu adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Timbangtara 1952.

Dengan ini disaksikan pihak-pihak di sini telah menandatangani pada
1 haribulan JANUARI tahun 2022

Ditandatangani bagi pihak MPC oleh:

Nama: **DATO' ABDUL LATIF HJ ABU SEMAN**


.....
(Tandatangan)

Jawatan: **KETUA PENGARAH**

Cop Rasmi Jabatan:

di hadapan saksi:-


Nama: **MOHD YAZID BIN ABDUL MAJID**
.....
Director
Management Services and Finance Division (MSF)
Jawatan: **Malaysia Productivity Corporation**
.....


.....
(Tandatangan)

Cop Rasmi Jabatan:

Ditandatangani bagi pihak Kontraktor oleh:-

Nama: Wan Burhanuddin Bin Haji Wan Ismail


.....
(Tandatangan)


Jawatan: Pengarah Urusan

No. Kad Pengenalan: 591022-03-5245

Cop Rasmi Syarikat:

di hadapan saksi:-

Nama: Nik Md. Fakhruddin Bin Nik Yahya


.....
(Tandatangan)

Jawatan: Pengurus Besar

No. Kad Pengenalan: 711225-03-5361

Alamat: D-2-9 Block D, Sri Gembira Avenue, No. 6 Jalan Senang Ria, Taman Gembira, 58200 Kuala Lumpur.



SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/23

3 November 2021

PORTRAY SECURITY SDN. BHD.
D-2-9 Block D Sri Gembira Avenue
No. 6 Jalan Senang Ria
Taman Gembira
58200 Kuala Lumpur
(U/P : En. Wan Burhanuddin bin Wan Ismail)

Tel: 03-7972 5115

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023.

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia: Empat Ratus Tujuh Ribu Lapan Ratus Dua Puluh Tiga dan Lima Puluh Lima Sen sahaja (RM 407,823.55)** termasuk 6% SST.

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebut harga oleh pihak tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

BIL.	PEROLEHAN	TEMPOH	KADAR SEBULAN (RM)	HARGA (RM)
1.	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023	24 BULAN	16,030.80	384,739.20
	6% SST		961.85	23,084.35
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			16,992.65	407,823.55

3. Satu kontrak rasmi akan disempurnakan oleh pihak tuan dengan memasukkan terma-terma sebut harga. Pihak tuan haruslah memberikan dua salinan asal yang dimatikan setem kepada pihak MPC. Tempoh perkhidmatan adalah **selama 24 bulan bermula pada 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023**. Apa-apa kegagalan dalam memenuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh 120 hari (4 bulan) dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat Tuan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen berikut:

(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit Malaysia **Lima Ribu Sembilan Puluh Tujuh dan Tujuh Puluh Sembilan Sen sahaja (RM 5,097.79)**.

seperti yang ditetapkan dalam Lampiran A tidak melebihi 14 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan 3 dan 4 ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan tolakan/*Liquidated Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**.

6. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

(a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;

(b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan

dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;

- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau

keselamatan dan kepentingan negara.

7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

8. Sekiranya pihak tuan dalam apa-apa cara gagal membekalkan perkhidmatan kepada pihak MPC, maka penerimaan ini akan terbatal dan selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak tuan.

9. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak tuan. Sila kembalikan **dua (2) salinan** yang telah ditandatangani oleh pihak tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.


Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC.100-14/1/23 bertarikh 3 NOVEMBER 2021 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.




Tandatangan Perunding

Nama Penuh: WAN BURHANUDDIN BIN WAN ISMAIL
MANAGING DIRECTOR

No. Kad Pengenalan: 591022-03-5245

Alamat: PORTRAY SECURITY SDN BHD
(738362-A)
D-2-9, BLOK D, SERI GEMBIRA AVENUE,
JALAN SENANG RIA, TAMAN GEMBIRA,
58200 KUALA LUMPUR
TEL : 03-7972 1515 FAX : 03-7972 5115
EMEL : enquiry@portraygc.com

Tarikh: 10/11/2021



Tandatangan Saksi

NIK MD FAKHRUDDIN B. NIK YAHYA
GENERAL MANAGER

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan: 711225-03-5361

Alamat: PORTRAY SECURITY SDN BHD
(738362-A)
D-2-9, BLOK D, SERI GEMBIRA AVENUE,
JALAN SENANG RIA, TAMAN GEMBIRA,
58200 KUALA LUMPUR
TEL : 03-7972 1515 FAX : 03-7972 5115
EMEL : enquiry@portraygc.com

Tarikh: 10/11/21

Meterai atau Cop Perunding



Tarikh: 10/11/2021

*potong mana yang tidak berkenaan



PORTRAY SECURITY SDN. BHD.

(738362-A)

D-2-9, Block D Seri Gembira Avenue,
No 6 Jalan Senang Ria, Taman Gembira 58200 Kuala Lumpur.
Tel.: 603-7972 1515 Fax: 603-7972 5115

Ruj. Kami : PSSB/MPC/122021-1676
Tarikh : 21hb Disember 2021

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Peti Surat 64, Jalan Sultan,

46904 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan

(u/p : Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman

- Ketua Pengarah)

Tuan,

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI IBU PEJABAT
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN
BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

Merujuk perkara di atas, pihak kami menyertakan dokumen Bon Pelaksanaan seperti yang dikehendaki oleh pihak Tuan. Dokumen tersebut dilampirkan bersama surat ini.

2. Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Insuran yang bertarikh **13hb Disember 2021** bernombor **HY722H000015** sebagai rujukan dan tindakan tuan selanjutnya.

3. Perhatian dan kerjasama dari pihak tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PORTRAY SECURITY SDN BHD



**NIK MD FAKHRUDDIN BIN NIK YAHYA
PENGURUS BESAR**

Tarikh : 13hb Disember 2021
Nombor Gerenti : HY722H000015
Agen : M74500-NM
Projek : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023
Tempoh Insurans : 01.01.2022 hingga 31.12.2024

**JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sebagai balasan kepada No. Rujukan : MPC.100-14/1/23 yang dibuat antara **Perbadanan Produktiviti Malaysia**, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai '**Kerajaan**') dan **Portray Security Sdn Bhd**, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai '**Kontraktor**') bagi membekal/menyerah/melaksana/menyiap "**Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Bagi Tempoh 2 Tahun Bermula 1 Januari 2022 Sehingga 31 Disember 2023**" (kemudian daripada ini dirujuk sebagai '**Kontrak**') kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai '**Penjamin**') atas permohonan kontraktor, mengaku janji yang tidak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada **Kerajaan** ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan **Kerajaan** seperti berikut :-

1. Apabila **Kerajaan** membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada **Kerajaan** nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit Malaysia : **Lima Ribu Sembilan Puluh Tujuh Dan Sen Tujuh Puluh Sembilan Sahaja (RM5,097.79)** dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada **Kerajaan** di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. **Kerajaan** berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia : **Lima Ribu Sembilan Puluh Tujuh Dan Sen Tujuh Puluh Sembilan Sahaja (RM5,097.79)** dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada **Kerajaan** jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan **Kerajaan** sama ada dengan atau tanpa Persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakujajji oleh kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

Tarikh : 13hb Disember 2021
Nombor Gerenti : HY722H000015
Agen : M74500-NM
Projek : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023
Tempoh Insurans : 01.01.2022 hingga 31.12.2024

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan *tidak boleh batal* dan hendaklah berkuatkuasa sehingga **31.12.2024** (kemudian daripada ini disebut sebagai 'Tarikh Mati Asal' (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan dimana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut 'Tarikh Mati Lanjutan') (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh **Kerajaan** dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang **Kerajaan** berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia : **Lima Ribu Sembilan Puluh Tujuh Dan Sen Tujuh Puluh Sembilan Sahaja (RM5,097.79).**

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya **Kerajaan** telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi) Nama : pihak Penjamin di hadapan) Jawatan :	 MAHAMAD BIN SOHIMI Senior Executive Operations - Non Motor	 Nama : NORLIZA BINTI KAMARULZAMAN Jawatan : Assistant Manager Operations - Non Motor
---	--	--



 (Saksi)
 Nama : **NAZILAH BINTI NAHRAWI**
 Jawatan : Executive
 Operations - Non Motor



KERAJAAN MALAYSIA

IBU PEJABAT
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

**SIJIL SETEM**

ASAL

STAMP CERTIFICATE

(Sila lekatkan sijil setem ini ke atas surat cara sebagai bukti penyeteman)
Please attach this stamp certificate to the instrument as evidence of stamping

Cara Bayaran *Payment Method* FPX TRANSACTIONS
No. Adjudikasi *Adjudication No.* T01C12915EXC017
Jenis Surat Cara *Type Of Instrument* JAMINAN INSURANS
SURAT CARA UTAMA
Tarikh Surat Cara *Date Of Instrument* 13/12/2021
Balasan *Consideration* RM 5,097.79
Maklumat Pihak Pertama / Penjual / Pemberi *First Party / Vendor / Transferor / Assignor*
PORTRAY SECURITY SDN BHD, NO SYARIKAT 738362-A
Maklumat Pihak Kedua / Pembeli / Penerima *Second Party / Purchaser / Transferee / Assignee*
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA, NO SYARIKAT 0000
Butiran Harta / Suratcara *Property / Instrument Description*
TIDAK BERKENAAN

Dengan ini disahkan surat cara ini disetem dan diindors seperti maklumat di bawah:
This is to certify this instrument is stamped and indorsed as below:

No. Sijil Setem <i>Stamp Certificate No.</i>	C0170A213934909
Tarikh Penyeteman <i>Date of Stamping</i>	21/12/2021
Duit Setem Dikenakan <i>Amount of Stamp Duty</i>	RM 10.00
Penalti <i>Penalty</i>	RM 0.00
Pelarasan <i>Adjustment</i>	RM 6.00
Jumlah Dibayar <i>Total Amount Paid</i>	RM 10.00
Indorsemen <i>Indorsement (Acta Setem 1949)</i>	

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA

Pemungut Duit Setem

No. Kelulusan Perbendaharaan *Treasury Approval No.* : KK/BSKK/10/600-2/1/2(60)Tarikh Cetak *Printed Date* : 21/12/2021 04:23:44

Pengesahan ketulenan Sijil Setem ini boleh dipastikan di stamps.hasil.gov.my atau melalui aplikasi telefon pintar
The authenticity of this Stamp Certificate can be verified at stamps.hasil.gov.my or by mobile app

Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani
This is a computer generated printout and no signature is required

--- tamat/end ---

**Bayaran Online (FPX) Berjaya.**

Transaction Status / Status Transaksi
Transaction Date / Tarikh Transaksi
FPX Txn Id / Transaksi ID FPX
Seller Order Number / No Adjudikasi
Buyer Bank Name / Nama Bank
Transaction Amount / Amaun

Bayaran Online (FPX) Berjaya.
21/12/2021 14:28
2112211428000655
T01C12915EXC017
AMBANK BER
RM 10.00



Terima Kasih Kerana Menggunakan Perkhidmatan Kami.

BUTIRAN KONTRAK

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023.**1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran : 738362-A

1.2 Tempoh Sah Laku : Tiada

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)

2.1 No. Pendaftaran : 357-02182659

2.2 Tempoh Sah Laku : 4/2/2021 - 6/3/2024

2.3 Kod Bidang : 220801

2.4 Taraf Syarikat : Bumiputera

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : 4/2/2021 - 6/3/2024

3. Pendaftaran Cukai Jualan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3.1 No. Pendaftaran : W10-1808-31033081

3.2 Tarikh Kuat Kuasa : 1/9/2018

4. Harga dan Tempoh Kontrak

4.1 Harga Kontrak : RM 407,823.55 (termasuk 6% SST)

4.2 Tempoh Kontrak : 24 Bulan

4.3 Tarikh Mula Kontrak : 1 Januari 2022

4.4 Tarikh Akhir Kontrak : 31 Disember 2023

5. Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

**Senarai, item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di Lampiran A2*

Lampiran A2 adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat dan disediakan oleh Agensi

6. Skop Perkhidmatan/Service Level Agreement (SLA) (sekiranya berkaitan)

**Skop Perkhidmatan/SLA yang ditetapkan seperti di Lampiran A3*

Lampiran A3 akan disediakan oleh Agensi

7. ***Bon Pelaksanaan**

- 7.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 2.5 % daripada jumlah harga kontrak
- 7.2 Formula Bon Pelaksanaan : RM 2.5% (berdasarkan anggaran nilai satu tahun RM 203,911.77)
- 7.3 Nilai Bon Pelaksanaan : RM 5,097.79
- 7.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful
- 7.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak (31 Disember 2023) atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian.

8. ***Polisi Insurans (jika berkaitan)**

- 8.1 Nilai Polisi : RM.....
- 8.2 Tempoh Perlindungan : Meliputi tempoh kontrak

9. **Kenaan *Denda/ Tolakan/ Liquidated & Ascertained Damages (LAD)**

(Lewat/Gagal bekal barang atau tidak menepati spesifikasi)

1. Syarikat gagal menempatkan Pengawal Keselamatan di premis pada satu-satu masa:

- 9.1 Formula : Kadar Hari Sejam x Bil. Pengawal Tidak Hadir x Bil. Hari / Jam Ketiadaan Pengawal Keselamatan
- 9.2 Kadar sehari : RM 7.30

2. Pengawal Keselamatan tidak menjalankan rondaan dan clocking (termasuk kelewatan melaksanakan rondaan dan clocking) di tempat-tempat yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian

- 9.1 Formula : Bil. Kegagalan * x (20% x Kadar Hari Sejam) *Bil. Kegagalan = Bil. Clocking Rondaan x Kekerapan Rondaan
- 9.2 Kadar sehari : RM7.30

Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan:

BIL.	PEROLEHAN	TEMPOH	KADAR SEBULAN (RM)	HARGA (RM)
1.	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023	24 BULAN	16,030.80	384,739.20
		6% SST	961.85	23,084.35
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)		16,992.65	407,823.55

**PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN DI IBU PEJABAT
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN
BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023**

SPESIFIKASI UMUM:

- i. Perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata.
- ii. Dilaksanakan di Kompleks MPC Ibu Pejabat di alamat, Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya yang terdiri dari dua (2) blok iaitu Blok Inovasi dan Blok Produktiviti (yang selepas ini dikenali sebagai MPC Ibu Pejabat sahaja).
- iii. Perkhidmatan tiga (3) orang pengawal sesi pagi (0700 – 1900) dan tiga (3) orang pengawal sesi malam (1900 – 0700).
- iv. Menyediakan pakaian seragam yang lengkap dan kemas kepada pengawal bertugas.
- v. Menyelenggara Buku Laporan Keselamatan Harian dengan laporan-laporan keselamatan yang diperlukan.
- vi. Melaksanakan *clocking time system* di *point-point* yang telah ditetapkan setiap 1 jam bermula jam 1900 hingga jam 0700 dan setiap 2 jam bermula 0700 hingga jam 1900 setiap hari termasuk cuti hujung minggu, cuti umum dan cuti khas.
- vii. Pada waktu siang (0700-1800), satu (1) pengawal hendaklah berada di Kaunter Utama Blok Inovasi untuk mengawal aktiviti masuk dan keluar Warga dan Pelawat.
- viii. Menyediakan lampu suluh, walkie-talkie, payung dan kayu pemukul/cotta (senjata keselamatan) kepada pengawal yang bertugas.

SPESIFIKASI SYARIKAT:

- i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang betul dan masih sah laku.
- ii. Berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan masih sah laku.
- iii. Mencarum kepada KWSP dan PERKESO untuk mana-mana pengawal yang ditugaskan.
- iv. Mempunyai insuran liabiliti untuk melindungi syarikat dari sebarang bencana keselamatan yang berlaku.
- v. Mempunyai kemampuan kewangan yang baik bagi mengelakkan gangguan pembayaran gaji dan operasi keselamatan.
- vi. Membuat pembayaran Bon Pelaksanaan selepas Surat Setuju Terim ditandatangani.

SPESIFIKASI INDIVIDU:

- i. Warga Malaysia dan fasih berbahasa Melayu.
- ii. Berumur tidak melebihi 60 tahun.
- iii. Sihat tubuh badan dan tiada penyakit kritikal yang mengganggu tugas.
- iv. Melepasi tapisan keselamatan yang dilaksanakan oleh KDN.
- v. Berpakaian seragam lengkap dan kemas semasa bertugas.
- vi. Menghormati Warga MPC dan Pelawat.
- vii. Tidak merokok semasa bertugas.

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IBU PEJABAT
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN
BERMULA 1 JANUARI 2022 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023.

Saya WAN BURHANUDDIN WAN ISMAIL nombor K.P. 591022-03-5245 yang mewakili
PORTRAY SECURITY SDN BHD (nama syarikat) nombor pendaftaran
(*MOF/GIBB/SSM) 738362-A dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau
memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
MPC atau mana-mana individu lain, sebagai
ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini
dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di
atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu
dalam MPC (nama kementerian/agensi) atau mana-mana
individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas,
maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat
kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada
saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai
ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji
akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,



(Nama dan No. KP) Cop Syarikat
WAN BURHANUDDIN BIN WAN ISMAIL
MANAGING DIRECTOR



Catatan: **591022-03-5245**

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya.....**WAN BURHANUDDIN WAN ISMAIL**..... nombor kad pengenalan
591022-03-5245..... yang mewakili syarikat..... **PORTRAY SECURITY SDN BHD.**
 nombor pendaftaran..... **738362A**..... (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya
 dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atautayang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan diatas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawapa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
 sebenar-benarnya diakui oleh)

di.....**KUALA LUMPUR**.....)
 pada**1.2 NOV 2021**.....)

Tandatangan.....

Di hadapan saya.....

Pesuruhjaya Sumpah

Catatan:

- i. *Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama Sijil pendaftaran MOF/CIDB.

Lot 108, Tingkat 1,
 Bangunan KWSP, Jln Raja Laut
 50350 Kuala Lumpur
 Tel: 019-6600745

